

# Kerajaan tak runsing tuduhan orang asing

PULAU PINANG 20 Dis.

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, kerajaan tidak berasa runsing dengan tuduhan orang asing yang menyatakan Malaysia tidak mempunyai kebebasan berakhbar.

Perdana Menteri berkata, yang penting bagi kerajaan ialah kebenaran, itu akhbar di negara ini adalah bebas kecuali jika mereka meniup api perkauman.

“Yang lebih penting bagi negara kita ini bukanlah hak membakar emosi tetapi hak memelihara keamanan dan ketenteraman yang boleh membantu membawa kepada pembangunan rakyat dan negara.

“Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas oleh orang lain adalah perkara kecil yang tidak perlu diambil berat,” katanya ketika berucap merasmikan Wisma Kwong Wah Yit Poh, pejabat sebuah akhbar berbahasa ibunda Cina di sini petang ini.

Pada majlis itu, para hadirin turut menyanyikan lagu selamat hari lahir kepada Dr. Mahathir yang menyambut hari lahirnya yang ke-68 hari ini.